

SINOPSIS

Disertasi ini bertajuk : " Uslūb al-Taukīd dalam al-Qur'an : Satu Analisis Dalam Surah al-Baqarah " yang mengandungi fakta-fakta berikut :

BAB 1 : Pengenalan

Dalam bab satu ini pengkaji akan memuatkan lima pokok yang dirasakan perlu untuk kajian ini, lima pokok tersebut adalah seperti berikut :

(a). Pendahuluan

Dalam pendahuluan ini akan diterangkan serba ringkas tentang tradisi masyarakat Arab sebelum kedatangan al-Qur'an dan juga menjelaskan tentang tajuk disertasi.

(b). Ojektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal al-Qur'an, mengetahui kesempurnaan al-Qur'an, melihat keistimewaan uslūb al-Qur'an dan juga menjelaskan bahawa al-Qur'an adalah model bahasa Arab yang paling baik. Segala objektif yang tersebut ini akan dapat dilihat melalui sistem pengukuhan yang dipersembahkan oleh al-Qur'an khususnya dalam surah al-Baqarah.

(c). Batas kajian

Kajian ini hanya akan membahaskan uslūb taukīd dalam surah al-Baqarah sahaja, walaupun demikian ayat-ayat dari surah lain akan diambil sebagai contoh pengukuhan.

(d). Metodologi

Cara atau kaedah yang digunakan untuk kajian ini adalah berbentuk " *keperpustakaan* " dan juga menggunakan sistem nota kaki setiap muka surat.

(e). Transliterasi

Peminjaman bahasa lain ke dalam bahasa ibunda berlaku pada semua bahasa terutama bagi bahasa-bahasa yang sedang berkembang termasuk bahasa Melayu. Oleh kerana yang demikian dalam kajian ini nanti tentu akan terdapat istilah-istilah Arab yang susah untuk diterjemahkan atau istilah Arab itu perlu dikekalkan kerana faktor tertentu tetapi ejaannya akan dialih ke dalam ejaan rumi. Maka untuk pengalihan ejaan Arab tersebut akan mengikut seperti yang telah ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAB 2 : Pengertian taukīd

Dalam bab dua ini akan dijelaskan tentang definisi taukīd menurut pandangan ahli nahu dan ahli retorik serta memberi komentar terhadap

pandangan dua aliran ini, dan juga akan dijelaskan tentang tujuan penggunaan taukīd dalam bahasa Arab.

BAB 3 : Uslūb pengulangan dalam surah al-Baqarah

Dalam bab tiga ini akan dijelaskan istilah pengulangan dan taukīd serta perbezaan di antara kedua-dua istilah ini. Dan juga akan dihuraikan dengan terperinci tentang jenis-jenis pengulangan yang terdapat dalam surah al-Baqarah.

Terdapat dua pengulangan dalam surah ini, iaitu pengulangan lafaz dan pengulangan makna. Pengulangan lafaz terbahagi kepada pengulangan dengan lafaz yang sama dan pengulangan dengan sinonim.

Pengulangan lafaz strukturnya terbentuk dari pengulangan dengan kata nama, kata kerja, kata ganti nama, huruf, ayat namaan dan ayat kerjaan.

Pengulangan makna pula terdiri daripada pengulangan relatif, global duaan dan global jamak.

BAB 4 : Taukīd dengan partikel Dalam surah al-Baqarah

Kajian dalam bab empat ini akan tertumpu kepada partikel imbuhan yang bertujuan untuk pengukuhan. Perkara yang akan didedahkan ialah berkaitan

dengan pengertian partikel imbuhan, definisi partikel imbuhan, partikel imbuhan berfungsi dan bermakna, partikel imbuhan tambahan (زَائِدَةٌ), partikel imbuhan kata nama, kata kerja dan partikel imbuhan untuk kata nama & kata kerja.

BAB 5 : Kesimpulan dan cadangan

Bab ini akan merumus atau menyimpulkan natijah / hasil dapatan kajian disertasi ini dari fakta-fakta yang terdapat dalam bab dua, tiga dan empat. Seterusnya akan dikemukakan beberapa cadangan yang dirasakan perlu berkaitan dengan uslūb taukīd.